

27 OCT 1996

Moggie-IPP

KERAJAAN MAHU BERBINCANG DENGAN IPP MENGENAI BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR

BANGI, 27 Okt (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Telekom dn Pos berhasrat untuk mengadakan perbincangan dengan para Penjana Tenaga Bebas (IPP) bagi merangka satu formula mengenai kaedah terbaik untuk menyediakan bekalan elektrik

ke kawasan luar bandar, kata menteri berkenaan Datuk Leo Moggie.

"Kami berharap agar semua IPP akan dapat memberikan cadangan untuk melaksanakan cadangan itu tanpa melanggar perjanjian yang telah dimeterai sebelum ini," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Puteri Pos di Institut Latihan Pos Malaysia di sini hari ini.

Moggie berkata: "Apa yang kita harapkan ialah untuk sekurang-kurangnya memberikan penekanan terhadap tanggungjawab sosial dengan cara menyediakan bekalan elektrik di kawasan luar bandar yang pada masa ini hanya dipikul kepada Tenaga Nasional Berhad."

Beliau berkata kementerian berharap untuk membincangkan perkara itu dengan IPP dan berharap mereka akan dapat merangka satu formula bagi melaksanakannya.

Beliau berkata setiap IPP mempunyai perjanjian yang berasingan dengan Tenaga Nasional.

Ketika diminta untuk mengulas dengan lebih lanjut, Moggie berkata: "Kami masih belum memulakan perbincangan. Buat permulaan, kami mahu mengadakan perbincangan awal dengan mereka."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengkritik peranan IPP dengan berkata mereka tidak seharusnya membebankan Tenaga Nasional dengan meminta harga yang tinggi untuk bekalan elektrik yang dibekalkan kepada Tenaga Nasional.

Dr Mahathir berkata kerajaan mungkin terpaksa menghentikan pembinaan lebih banyak IPP.

Beliau berkata harga elektrik yang dibekalkan kepada Tenaga Nasional, yang mempunyai tanggungjawab sosial untuk dipenuhi, tidak seharusnya terlalu tinggi sehingga memaksa syarikat itu memberikan subsidi terhadap kos bekalan elektrik di kawasan luar bandar.

-- BERNAMA.

ZAB MZ AHH